

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4/1 (03)

Tarikh: 21 September 2007

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 / 2007

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y. Bhg. Dato' / Prof/Tuan/Puan,

**MENERIMAPAKAI PINDAAN TATACARA PEROLEHAN BAGI PEMBEKALAN ALAT
PROPRIETARY ELEKTRONIK DAN ALAT GANTI**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan pindaan tatacara perolehan bagi bekalan yang menerimapakai Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 -Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 21/2006 yang bersidang pada 6 September 2006 telah meluluskan kontrak pusat Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. (CMCA) untuk Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008.

2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2007 yang bersidang pada 30 Ogos 2007 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah meluluskan mengenai pindaan dibawah Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 - Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan Bagi Tahun 2006 Hingga Tahun 2008 dan Surat Perbendaharaan No.rujukan : S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6(26)

bertarikh 27 Jun 2006 dan No.rujukan : S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 bertarikh 21 Jun 2007.

- 2.3 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia telah mewujudkan semula kontrak Perbendaharaan bagi Perolehan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik dan Alat Ganti Yang Berkaitan kepada semua Kementerian, Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta Badan Berkanun di Seluruh Semenanjung Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2008.
- 2.4 Surat Perbendaharaan No.rujukan : S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6(26) bertarikh 27 Jun 2006 menjelaskan mengenai senarai item yang dikeluarkan daripada senarai Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan. Pengeluaran item-item berikut berkuatkuasa serta-merta.
- 2.5 [Surat Perbendaharaan No.rujukan : S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 bertarikh 21 Jun 2007](#) menjelaskan mengenai senarai harga bagi item tambahan kepada Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005.

3.0 TATACARA PEROLEHAN

- 3.1 Pindaan Tatacara Perolehan berkenaan Pembekalan Alat Proprietary Elektronik Dan Alat Ganti Yang Berkaitan adalah seperti berikut:-

Bil.	Asal	Pindaan
1	Pihak PTJ boleh membuat perolehan tersebut mengikut tatacara semasa iaitu secara terus (bawah RM10,000) dibawah kuasa Ketua PTJ dan nilai perolehan melebihi RM10,000.00 sehingga RM200,000.00 perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Universiti. Manakala jika nilai perolehan melebihi	Pihak PTJ boleh membuat perolehan tersebut mengikut tatacara semasa iaitu secara terus (bawah RM10,000) dibawah kuasa Ketua PTJ dan nilai perolehan melebihi RM10,000.00 sehingga RM200,000.00 perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga Pejabat Bendahari. Laporan prestasi kontrak pusat

	RM200,000.00 perlu mendapat kelulusan Lembaga Perolehan Universiti.	akan dibentangkan ke Jawatankuasa Sebutarga Universiti setiap bulan. Manakala jika nilai perolehan melebihi RM200,000.00 perlu perakuan Jawatankuasa Penentuan Teknikal Tender Universiti sebelum diluluskan oleh Lembaga Perolehan Universiti. Rundingan harga akan diuruskan oleh Pejabat Bendahari sekiranya perlu.
2		<p>Pihak PTJ perlu mendapatkan pengesahan/tempahan perolehan dengan pihak CMCA Sdn Bhd secara online iaitu http://www.proarrow.com.my/index.php. Tempoh masa pihak syarikat memberikan maklumbalas adalah 7 hari.</p> <p>Pihak PTJ perlu menghantar spesifikasi barang kepada pihak CMCA Sdn. Bhd dan pihak CMCA perlu memberi maklumbalas secara bertulis sebelum dikemukakan ke Pejabat Bendahari. PTJ hendaklah memastikan agar anggaran peruntukan mencukupi untuk speksifikasi yang diperlukan. Tempoh masa pihak PTJ menyempurnakan proses tersebut adalah 30 hari.</p>
3	Hanya item-item elektronik yang disenaraikan dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 di atas sahaja yang berkaitan dengan kontrak ini. Item alat <i>proprietary</i> elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibenarkan di bawah kontrak ini adalah seperti di dalam Senarai Harga Pembuat yang telah disahkan oleh Bahagian	Hanya item-item elektronik yang disenaraikan dalam Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005 di atas sahaja yang berkaitan dengan kontrak ini. Item alat <i>proprietary</i> elektronik dan alat ganti yang berkaitan yang dibenarkan di bawah kontrak ini adalah seperti di dalam Senarai Harga Pembuat yang telah disahkan oleh Bahagian

	Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.	<p>Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Sila rujuk lampiran.</p> <p>Pihak Kementerian Kewangan melalui surat Perbendaharaan S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 (26) bertarikh 27 Jun 2006 telah mengeluarkan sebanyak 44 item yang termasuk dalam kontrak pusat sebelum ini. Rujuk lampiran yang disertakan.</p> <p>Bagi item alat ganti sekiranya pihak CMCA Sdn Bhd menolak tawaran tersebut. Maka PTJ dibenarkan membuat perolehan mengikut tatacara semasa dengan bersyarat kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi terlebih dahulu. Urusan proses permohonan kelulusan Kementerian Kewangan dipusat dibawah Pejabat Bendahari.</p>
4		<p>Senarai harga bagi item tambahan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2005 ini diluluskan untuk kegunaan mulai 21 Jun 2007 hingga 31 Disember 2008 melalui surat Perbendaharaan bil (4) dalam S/K.KEW/PK/M/1100/000000/110/119 JLD.19 SJ.6.1 bertarikh 21 Jun 2007.</p>
5		<p>Kelonggaran dibenarkan bagi perolehan yang tidak mengikut tatacara kontrak pusat diberikan sehingga 30 Mei 2007.</p>
6		<p>PTJ diminta mengemukakan perincian item yang termasuk dalam item kontrak pusat bagi pembelian tahun berikutnya kepada CMCA Sdn Bhd selewat-lewatnya pada bulan</p>

		Oktober tahun semasa.
7		Mana-mana peralatan/barangan yang tersenarai dalam kontrak pusat ini akan dikecualikan dari kelulusan MITI jika melibatkan peralatan/barangan luar negeri.
8		Permohonan perlanjutan tempoh, pertukaran item, pengurangan atau penambahan dan pembatalan Pesanan Tempatan perlu dikemukakan kepada pihak yang meluluskan perolehan berkenaan.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Semua Ketua PTJ dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan perolehan di PTJ dikehendaki mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan ini. Jika terdapat pelanggaran peraturan seperti yang ditetapkan, maka pihak bertanggungjawab akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Universiti untuk tindakan *surchage*. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan dibaca bersama Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil.7/2005.

5.0 PEMBATALAN

Dengan terpakainya pekelling ini, Pekeliling Bendahari Bil.7/2006 para 3.1 dibatalkan dan kaedah perolehan yang diamalkan sebelum ini bagi perolehan item-item elektronik yang disenaraikan berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil.11/2001 adalah dibatalkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ 7050

- s.k
- Yg. Bhg. Naib Canselor
 - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
 - Ketua Unit Audit Dalam

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia